

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

'Jangan tunggu vaksin bivalen'

KKM saran orang ramai segera dapatkan dos penggalak kedua elak gejala serius, kematian

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menyarankan orang ramai segera mendapatkan dos penggalak kedua dengan vaksin yang sedia ada dan tidak menunggu vaksin bivalen COVID-19,

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata vaksin sedia ada juga berkesan bagi mengelak gejala serius dan kematian akibat jangkitan wabak itu.

"KKM menggesa orang ramai yang telah menerima dos penggalak pertama melebihi tempoh enam bulan mendapatkan segera dos penggalak kedua serta tidak menunggu vaksin jenis bivalen."

"Ini kerana vaksin monovalen sedia ada masih sangat berkesan untuk mengurangkan gejala serius dan kematian," katanya da-

lam kenyataan, semalam.

Vaksin bivalen berfungsi dengan meniru tindak balas imun terhadap dua atau lebih varian virus berbeza.

Vaksin COVID-19 yang digunakan pada peringkat awal pandemik adalah jenis monovalen, iaitu hanya mengandungi atau memanggut satu kod protein virus asal SARS-CoV-2.

Vaksin bivalen pula dikemas kini untuk melindungi penerima daripada varian Omicron BA.1 selain virus asal COVID-19.

Dr Zaliha berkata, vaksin bivalen akan dibekalkan kepada Malaysia tidak lama lagi selepas memperoleh kelulusan pendaftaran bersyarat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), baru-baru ini.

"Pengumuman akan dibuat selepas bekalan diterima bersama dengan kriteria kelayakan untuk mendapatkannya," katanya.

Dr Zaliha berharap, peratusan pengambilan dos penggalak akan terus meningkat, terutamanya oleh golongan yang berisiko dan komorbid.

Ketika ini hanya 1.9 peratus rakyat Malaysia yang layak sudah mengambil dos penggalak kedua berbanding 49.8 peratus yang telah mendapat vaksin dos penggalak pertama.

Disember lalu, PBKD memberikan kelulusan bersyarat untuk

vaksin COVID-19 Pfizer yang dikemas kini itu.

Vaksin baharu itu dijangka dapat memberi perlindungan lebih baik terhadap subvarian BA.5 Omicron walaupun prestasinya dengan varian baharu seperti XBB dan BQ.1 masih dikaji.

Bivalen tiba akhir bulan

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sebelum ini berkata, vaksin bivalen akan tiba akhir bulan ini.

Sementara itu, pakar kesihatan awam, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman meminta KKM memberi panduan yang jelas kepada masyarakat mengenai pengambilan dos penggalak kedua serta keberkesanannya dalam membendung risiko penularan COVID-19.

Dr Lokman berkata, panduan itu bagi mengelak rakyat keliru mengenai suntikan tambahan vaksinasi berkenaan.

"KKM perlu panduan jelas, bila dos penggalak itu perlu diambil, adakah setiap enam bulan atau setiap tahun atau adakah apabila risiko penularan varian baharu tinggi di negara ini?

"Perlu juga dijelaskan siapa yang seharusnya mengambil dos penggalak dan keutamaan untuk mengambil dos tambahan itu, contohnya warga tua yang melebih 60 tahun ke atas atau mereka yang mempunyai penyakit tidak berjangkit (NCD)," katanya kepada BH.

Beliau mengulas kadar peratusan vaksinasi dos penggalak kedua di negara ini yang sangat rendah, iaitu sekitar 1.9 peratus sahaja.

Dr Lokman yang juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan berkata, sekiranya kadar pengambilan dos penggalak dianggap rendah, kementerian perlu melaksanakan program secara bersasar dengan keutamaan di kawasan bandar yang kepadatan penduduk tinggi, rumah orang tua serta pada kumpulan berisiko selain kajian perlu dilaksanakan mengapa tidak ramai yang mengambil dos penggalak.

"KKM perlu perjelasan keberkesan dan keselamatan vaksin dengan menggunakan statistik tempatan. Sudah berjuta yang diberi vaksin, bentangan dengan jelas kebaikan dan keselamatan vaksin, khususnya yang berkait dengan kematian.

"Umpamanya sejauh mana vaksin dan suntikan penggalak mengurangkan risiko kematian dan orang ramai harus mempertimbangkan risiko bagi mereka jika berlaku peningkatan kes akibat varian baharu.

"Kita tidak mampu halang kemasukan varian baharu kecuali dengan menutup sempadan negara yang mana kita tidak mampu lakukan kerana impak ekonomi yang teruk," katanya.

Oleh itu, Dr Lokman menegaskan vaksin adalah kaedah yang terbaik untuk melindungi diri daripada dijangkiti COVID-19.

KKM menggesa orang ramai yang telah menerima dos penggalak pertama yang melebihi tempoh enam bulan agar mendapatkan dos penggalak kedua serta tidak menunggu vaksin bivalen



Dr Zaliha Mustafa,
Menteri Kesihatan

Kabinet bincang isu pelancong China minggu ini

Dari Muka 1

Pada mesyuarat esok, Kabinet dijangka turut mendengar laporan dan pandangan disediakan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dalam kenyataan semalam berkata, beliau yakin mesyuarat Kabinet minggu ini akan membincangkan ketibaan pelancong China ke negara ini kerana menyifatkan isu itu ketika ini dilihat agak menekan berikutkan kebimbangan ramai-pihak.

Katanya, isu terbabit dilihat agak menekan berikutkan kebimbangan ramai-pihak susulan pembukaan semula sempadan negara oleh China bermula Ahad ini.

Bagaimanapun, Kabinet tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyekat kemasukan pengembala dari China.

"Isu ini agak menekan, saya yakin Kabinet akan membincangkan hal ini," katanya kepada BH.

Baru-baru ini, Persatuan Agen-

si Pelancongan Malaysia (MATA) menggesa kerajaan menangguhkan sementara kemasukan pelancong dari China sehingga kes harian COVID-19 reda.

Presiden MATA, Datuk Dr Mohd Khalid Harun, berkata longjakan ketara kes COVID-19 di China, baru-baru ini, meningkatkan lagi potensi risiko kemunculan varian baharu, sekaligus menggusarkan rakyat khususnya pemain industri pelancongan.

Bagaimanapun, Persatuan Pelancongan Domestik Malaysia (MITA) dan Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTIA) meminta kerajaan tidak mengenaikan sekatan kemasukan pelancong dari China, sebaliknya menyarankan perketat prosedur operasi standard (SOP) terhadap pelancong.

Presiden MITA, Uzaidi Udanis, berkata langkah itu lebih bersesuaian, berbanding mengenaikan sekatan kemasukan terha-

dap pelancong dari negara itu kerana China adalah pasaran pelancongan penting dan sebarang sekatan akan memberi impak kepada Malaysia.

"Thailand menjangkakan 'jutaan pelancong pada suku pertama tahun ini', manakala Singapura sudah memulakan semula perniagaan terus ke China.

"China adalah pasaran penting bagi kami kerana mereka mempunyai kuasa berbelanja," katanya.

Presiden MATTIA, Datuk Tan Kok Liang, berkata gesa menucup sempadan kepada pelancong China pada peringkat awal ini adalah tidak rasional serta meminta berhenhan ti memberi reaksi keterlaluan terhadap keputusan China membuka pintu sempadannya.

"Kita menaruh kepercayaan penuh kepada Kementerian Kesihatan Malaysia menguruskan ketibaan rakyat China sama seperti mereka lakukan dengan pengembala lain dari seluruh dunia.

"Sejak pembukaan semula sempadan negara pada awal 2022, Malaysia sudah menunjukkan kemajuan yang stabil dan positif ke arah pemulihan dan sebarang reaksi mengejut untuk memperkenalkan sekatan tanpa perancangan yang betul berisiko merengkatkan semua yang sudah masuk negara," katanya.

Awal bulan lalu, China menamatkan dasar 'sifar-COVID' dengan pembukaan semula sempadan negara itu.

Bagaimanapun, penamatian dasar itu turut menyaksikan peningkatan kes dan kematian di China akibat wabak yang disebabkan oleh subvarian Omicron, BA.5.2 yang dikatakan lebih berbahaya.

Minggu lalu, Malaysia menetapkan pengembara yang tiba dari luar negara, termasuk China perlu melalui saringan demam di pintu masuk antarabangsa (PMA), manakala sampel air kumbahan pesawat dari republik itu juga akan diambil untuk analisis.

Malah, KKM juga mempertimbangkan keperluan vaksinasi penuh bagi pengembara dari luar, termasuk China sebagai syarat untuk mereka dibenarkan memasuki negara ini.



Dr Mhd Khalid

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Persampelan dua kali seminggu

Pelaksanaan ujian air kumbahan pesawat usaha kekang penularan jangkitan virus

oleh Irwan Shafrizan Ismail
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Persampelan air kumbahan daripada pesawat dijalankan sebanyak dua kali seminggu, dalam usaha mengekang penularan COVID-19 di negara ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Ketika menerangkan kaedah ujian air kumbahan di pintu masuk antarabangsa (PMA), beliau berkata, secara amnya semua air kumbahan akan dibawa keluar daripada kapal terbang menggunakan trak ke kemudahan pelupusan sisa pesawat (AWDF) dan proses itu diselesaikan oleh Airport Ground Handler.

"Selepas penerbangan yang disasarkan dikenal pasti, proses persampelan air kumbahan akan dijalankan Pejabat Kesihatan KLIA dengan kerjasama pengurusan lapangan terbang sebelum air kumbahan dilepaskan ke AWDF.

"Sampli itu kemudian dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) bagi proses pengujian. Persampelan air kumbahan daripada pesawat akan dijalankan dua kali seminggu.

"Bagi surveyan air kumbahan daripada kapal terbang, sebanyak satu liter sampel diambil daripada pesawat terpilih dan dihantar ke MKAK. Sampel air kumbahan yang dikumpul dan diterima di makmal akan dijalankan proses konsentrasi virus, diikuti proses pegekstrakan RNA virus SARS-CoV-2," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kaedah khas kesan virus

Seterusnya, Dr Noor Hisham berkata, proses amplifikasi dan pengesanan virus akan dilakukan melalui kaedah Realtime RT-PCR menggunakan kit khas bagi sampel air kumbahan.

"Bagi sampel positif dengan nilai CT E30, ujian penjurukan genom penuh akan dilakukan bagi mengesan varian, sublineage dan mutasi bagi virus berkenaan.

"Keputusan ujian kemudian dikongsikan dengan Pegawai Epidemiologi bagi analisis dan pengumpulan data terperinci untuk melihat trend sebagai surveyan berterusan serta proses intervensi," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mula menjalankan surveyan persekitaran COVID-19 menggunakan air kumbahan sejak Jun tahun lalu, sebagai surveyan sokongan (Sup-

plementary Surveillance) bagi COVID-19 sejajar dengan fasa peralihan ke endemik.

"Objektif surveyan ini ialah sebagai amaran awal melalui pengeasan kehadiran virus SARS-CoV-2 dalam sampel air kumbahan, memberi gambaran trend kepekatan virus SARS-CoV-2 dan mengenal pasti varian SARS-CoV-2 yang terdapat dalam komuniti serta memantau keberkesanan intervensi kawalan COVID-19 secara amnya.

"Ia membabitkan sampel dari PMA serta 15 lokasi sentinel bagi mewakili setiap negeri di Malaysia. Bagi lokasi sentinel di setiap negeri, sampel air kumbahan diambil dari loji rawatan kumbahan terpilih oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berkenaan.

"Sebanyak dua atau tiga sampel diambil dari setiap lokasi sentinel setiap bulan mengikut keperluan, kemudian dihantar ke MKAK bagi proses pengujian. Bagi sampel dari PMA pula, penilaian risiko dijalankan secara berterusan bagi mengenal pasti negara-negara yang berisiko.

"Hasil penilaian ini, semua pernambangan dari negara yang dikenal pasti kemudian diteliti dengan lebih lanjut oleh PK KLIA," katanya.

Beliau menjelaskan seiring keadaan semasa, surveyan air kumbahan PMA akan turut membabitkan sampel dari China.

"Ini akan membolehkan Kementerian Kesihatan (KKM) memantau kemasukan varian SARS-CoV-2 dari China sebagai satu daripada langkah kawalan dalam menghadapi situasi semasa," katanya.

MKAK terima 330 sampel


Dalam pada itu, Dr Noor Hisham maklumkan setakat 31 Disember lalu, MKAK telah menerima sejumlah 330 sampel air kumbahan membabitkan 29 sampel (8.8 peratus) dari PMA dan 301 (91.2 peratus) sampel dari lokasi sentinel.

Bagi 29 sampel dari PMA itu, beliau berkata, hasil pengujian MKAK menunjukkan 28 sampel (96.5 peratus) mempunyai kehadiran SARS-CoV-2 dengan varian Omicron, manakala satu lagi masih dalam proses pengujian.

"Daripada 28 sampel itu, 15 (53.6 peratus) sudah lengkap ujian Whole Genomic Sequencing (WGS) dan didapati sublineage dominan yang dikesan ialah BA.5, BA.2, BA.2.75 dan BA.2.12.

"Bagi 301 sampel lokasi sentinel pula, 288 (95.7 peratus) dikesan ada kehadiran SARS-CoV-2, tiga tidak dikesan dan 10 masih dalam proses pengujian.

"Daripada 288 sampel positif Omicron itu, 32 (11.1 peratus) telah lengkap ujian WGS dengan sublineage dominan yang dikesan ialah BA.5; BA.2; BA.2.75 dan BA.2.12," katanya.

Proses pengambilan sampel air kumbahan

KKM sedia mengubah dasar penjagaan kesihatan pengurusan pandemik COVID-19, termasuk memperketat SOP pemeriksaan kesihatan di pintu masuk negara.
 (Foto BERNAMA)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meningkatkan kaedah pembendungan penularan jangkitan Covid-19 dalam negara serta kesiapsiagaan bagi berdepan dengan sebarang kemungkinan peningkatan kes virus itu.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, pihaknya memberi perhatian serius terhadap kebingungan rakyat berhubung kenaikan kes Covid-19 di China serta sekatan yang sudah dibuat oleh beberapa negara lain terhadap pengembala dari China.

Beliau berkata, perkara itu sememangnya adalah keutamaan KKM pada ketika ini.

"Dengan perlanjutan Malaysia sebagai Kawasan Tempatan Jangkitan sehingga Jun 2023, ia memberi ruang kepada KKM untuk mengambil sebarang tindakan segera apabila diperlukan."

"Ini termasuk mengubah dasar sedia ada terutama penjagaan kesihatan pengu-

KKM TINGKAT KAEDAH PEMBENDUNGAN

Varian China dah dikesan di Malaysia

rusan pandemik Covid-19 di sempadan negara (*health border measures*) serta memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) pemeriksaan kesihatan di mana-mana pintu masuk negara.

"Ia akan dilaksanakan jika perlu, bukan sahaja kepada pengunjung atau pengembala (warganegara Malaysia dan bukan warganegara) yang tiba dari China bahkan yang tiba dari semua negara di dunia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, KKM juga sentiasa bersiap siaga untuk meningkatkan kapasiti kesihatan bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Menurutnya, pihak KKM sentiasa berhubung rapat dan mengadakan per-

bincangan dari semasa ke semasa bersama pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), negara China serta negara Asean.

"KKM juga sentiasa mengambil polisi berpadanan dan berdasarkan sains serta data yang tepat. Berdasarkan laporan, pihak WHO sudah mengadakan mesyuarat dengan pihak China ba-

gi urusan perkongsian data terkini dan ia akan diteruskan bagi mengetahui secara terperinci maklumat, situasi dan pengurusan Covid-19 di

negara berkenaan.

"Berdasarkan maklumat yang dilaporkan negara China kepada pihak WHO, varian dan subvarian yang ada di China juga sudah dikesan di

"Merujuk kepada maklumat sedia ada, vaksin Covid-19 berkesan memberi perlindungan dari menghadapi gejala yang teruk akibat jangkitan virus Covid-19 dan ia sepertinya mengurangkan kemasukan ke hospital," katanya.

Selain itu, Dr Zaliha berkata tidak lama lagi vaksin Bivalent juga akan dibekalkan kepada Malaysia berikut kelulusan pendaftaran bersyarat diberikan Pihak Berkusa

Kawalan Dadah, baru-baru ini.

Beliau berkata, pengmu-

man mengenainya akan dibuat selepas bekalan diterima bersama dengan kriteria kelayakan untuk mendapatkannya.

"Sehubungan itu juga, KKM menggesa orang ramai yang sudah menerima dos penggalak pertama yang melebihi tempoh enam bulan supaya mendapatkan dos penggalak kedua serta tidak menunggu vaksin bivalen.

"Ini kerana vaksin monovalen sedia ada masih berkesan untuk mengurangkan gejala serius dan kes kematian. KKM berharap, peratusan pengambilan dos penggalak akan terus meningkat, terutamanya daripada golongan yang berisiko memandangkan ketika ini hanya 49.8 peratus sahaja rakyat Malaysia yang sudah mendapat vaksin dos penggalak pertama dan hanya 1.9 peratus sahaja yang sudah mengambil vaksin dos penggalak kedua.

"Di samping itu, saya ingin terus mengingatkan rakyat untuk tetap menjaga kesihatan kendiri dan keluarga masing-masing serta sentiasa mematuhi saranan serta nasihat kesihatan yang sering ditekankan," katanya.

Jangan rosakkan hubungan Malaysia-China'

Putrajaya: Orang ramai terutama warganet diminta berhati-hati dalam memberi komen di media sosial berkaitan isu ketibaan pelancang China susulan pembukaan semula sempadan negara itu bermula 8 Januari ini.

Menteri Pelancongan, Tiong King Sing dalam hantaran di Facebook yang ditulis dalam bahasa Cina semalam, berkata, ia bertujuan supaya jalinan persahabatan antara Malaysia dan China tidak dirosakkan.

"Biar pun beberapa berita terutama di platform media sosial membuat laporan negatif berkaitan keputusan China membuka semula sempadan negara, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa semua orang supaya berhati-hati dalam kata-kata dan tindakan anda.

"Jangan membuat komen

yang tidak mesra sebelum anda mengetahui gambaran pentuh keseluruhannya.

"Jangan merosakkan persahabatan antara Malaysia dan China atau wujudkan tanggapan bahawa kita tidak mengalu-alukan kedatangan mereka (pelancang China)," katanya.

King Sing berkata, sebarang persoalan atau keraguan perlu di-bangkitkan melalui saluran yang betul.

"Berkomunikasi, berbincang strategi yang baik, mencapai situasi menang-menang dan hadapinya bersama," katanya.

Awal bulan lalu, China menamatkan dasar sifar Co-

vid-19 bagi membendung wabak itu dengan pembukaan semula sempadan negara.

Bagaimanapun, penamatan dasar itu turut menyaksikan peningkatan kes dan kematian di China akibat wabak yang disebabkan oleh subvarian Omicron, BA.5 yang lebih berbahaya.

Susan itu, Malaysia menerapkan pengebaran yang tiba dari luar negara, termasuk China perlu

melalui saringan demam di pintu masuk antarabangsa (PMA), manakala sampel air kumbahan pesawat dari republik itu juga akan diam-bil.

Sampel akan diantar ke

Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) untuk ujian rantai polimerase (PCR) dan seterusnya untuk penjujukan genom sekiranya positif Covid-19.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mempertimbangkan keperluan vaksinasi penuh bagi pengembala dari luar, termasuk China sebagai syarat untuk mereka dibenarkan masuki negara ini.

KKM turut menggalakkan orang ramai mendapatkan dos penggalak berikut jangkaan kemasukan pelancong China ke negara ini.

Namun beberapa pihak termasuk pakar kesihatan menggesa kerajaan supaya tidak perlu terburu-buru menerima kedatangan pengembala dari China, terutama pelancong sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penularan Covid-19 secara besar-besaran di negara ini.

Kes positif Covid-19 catat penurunan

Putrajaya: Jangkitan harian kes positif baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan penurunan dengan 420 kes dilaporkan setakat malam tadi, berbanding 513 kes sehari sebelumnya.

Data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menurusi laman sesawang KKMINOW menunjukkan sebanyak 417 kes adalah penularan tempatan, manakala tiga lagi kes import.

Jumlah itu menjadikan keseluruhan 5,027,097 kes sejak Covid-19 mula dikesan pada Januari 2020.

Setakat tengah malam kelmarin, empat kematian direkodkan dengan dua daripadanya membabitkan kematian luar hospital (BID) menjadikan statistik kematian adalah sebanyak 36,857.

Terdapat 11,871 kes aktif

Covid-19, termasuk 30 pesakit yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan sembilan daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada jumlah kes aktif itu, seramai 609 pesakit menerima rawatan di hospital, bagaimanapun tiada pesakit ditempatkan di pusat kuarantin (PKRC).

Sejumlah 11,232 pesakit lagi menjalani kuarantin kendiri di rumah.

Seramai 547 pesakit dilaporkan sembuh. Penggunaan katil ICU juga berada pada paras 62.8 peratus.

Selain itu, seramai 70 individu mendapatkan suntikan dos utama vaksin Covid-19 semalam dan 139 mendapatkan dos penggalak pertama dan 870 individu lain pula mendapatkan dos penggalak kedua.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Sebanyak 417 kes baru, empat kematian dilaporkan

PUTRAJAYA – Kes baru Covid-19 menunjukkan penurunan kepada 417 kes kelmarin dengan tiga kes import berbanding 513 kes sebelumnya yang sekali gus menjadikan jumlah kumulatif jangkitan virus tersebut kini mencecah 4,988,559 kes.

Berdasarkan data pada laman web KKMNOW, kes aktif di se-

luruh negara juga mencatatkan penurunan sebanyak 131 kes dengan jumlah kumulatif kes aktif kini merekodkan sebanyak 11,871 kes.

Sejumlah 547 kes sembuh juga telah direkodkan dengan jumlah keseluruhan pulih daripada Covid-19 kini seramai 4,978,369 orang.

"Selangor terus mencatatkan jumlah kes harian tertinggi dengan 139 kes diikuti Kuala Lumpur (55), Pulau Pinang (46), Melaka (30), Sarawak (26), Kedah (24), Perak (23), Sabah (14) dan Johor juga Kelantan (masing-masing 13).

"Turut menyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 se-

malam adalah Negeri Sembilan (11), Putrajaya (apan), Pahang dan Terengganu masing-masing tujuh dan hanya satu kes di Labuan," demikian perkongsian data di laman web tersebut se-malam.

Pada masa sama, sebanyak empat kematian dilaporkan dengan dua kes meninggal dunia

di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) yang seterusnya menjadikan jumlah kematian seba nyak 36,857 dan BID 7,854.

Sebanyak 11,232 kes dikuar antin di rumah, 609 kes di hospital, 21 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan sembilan kes di ICU dengan ban tuan pernafasan.

Pertingkat kaedah bendung Covid-19

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan meningkatkan kaedah pembendungan penularan jangkitan Covid-19 dalam negara serta kesiapsia gaan bagi berdepan dengan sebarang kemungkinan peningkatan kes akibat virus tersebut.

Menteri Kesihatan, Dr. Zalihah Mustafa berkata, beliau memberi perhatian serius terhadap kebimbangan rakyat ber hubung kenaikan kes Covid-19 di China serta sekatan yang telah dibuat oleh beberapa negara lain terhadap pengembara dari negara tersebut.

"Perkara ini sememangnya merupakan keutamaan buat KKM ketika ini. Dengan pelanjutan Malaysia sebagai 'Kawasan Tempatan Jangkitan' sehingga Jun 2023, ia memberi ruang kepada KKM untuk mengambil sebarang tindakan segera apabila diperlukan.

"Ini termasuk mengubah dasar sedia ada terutamanya penjagaan kesihatan pengrusaan pandemik Covid-19 di sempadan negara serta memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) pemeriksaan kesihatan di mana-mana pintu masuk negara," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, ia akan dilaksanakan jika perlu dan bukan sahaja kepada pengunjung atau pengembara domestik atau

luar negara yang tiba dari China bahkan yang tiba dari semua negara di dunia.

"Berdasarkan maklumat dilaporkan China kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), varian dan subvarian di sana juga telah dikesan di Malaysia, namun merujuk kepada maklumat sedia ada, vaksin Covid-19 berkesan bagi memberi perlindungan daripada mendapat gejala yang teruk.

"Selain itu, tidak lama lagi vaksin bivalen juga akan dibekalkan kepada Malaysia berikut kelulusan pendataran bersyarat yang diberikan Pihak Berkusa Kawalan Dadah baru-baru ini," ujar beliau.

Jelas beliau, orang ramai yang telah menerima dos penggalak pertama yang melebihi tempoh enam bulan digesa agar mendapatkan dos penggalak kedua serta tidak menunggu untuk mendapatkan vaksin bivalen.

"Ini kerana, vaksin monovalen sedia ada adalah masih sangat berkesan untuk mengurangkan gejala serius dan kes kematian."

"Ketika ini hanya 49.8 peratus sahaja rakyat Malaysia yang telah mendapatkan vaksin dos penggalak pertama, manakala hanya 1.9 peratus yang telah mengambil vaksin dos penggalak kedua," tambahnya.



MALAYSIA menetapkan pengembara yang tiba dari luar negara termasuk China perlu melalui saringan demam di pintu masuk antarabangsa (PMA). – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

Unit Transfusi Darah HSNZ sasar kumpul 23,000 beg darah

KUALA TERENGGANU — Unit Transfusi Darah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) menyasarkan mengumpul 23,000 unit beg darah bagi menampung keperluan pesakit di negeri itu sepanjang tahun ini.

Ketua Unit Transfusi Darah HSNZ, Dr. Mohd. Muhamimin Kam-bali berkata, pelbagai program dirancang bagi menyemarakkan lagi aktiviti menderma darah secara berkala di seluruh Terengganu sepanjang tahun ini.

Beliau berkata, kami berjaya memperoleh sebanyak 22,758 beg darah sepanjang tahun lalu.

"Ia melebihi sasaran awal pada 2022 iaitu 21,000 beg.

"Jumlah itu mencukupi untuk kegunaan pesakit-pesakit yang memerlukan darah di negeri ini.

"Kita juga proaktif mengadakan kempen derma darah walaupun pada musim banjir lalu dengan tumpuan diberi di lokasi-lokasi tidak terjejas dengan bencana itu.

"Alhamdulillah, sewaktu banjir baru-baru ini, kita berjaya mengumpulkan sebanyak 2,000 beg darah hasil program yang dijalankan di 30 lokasi," katanya



DUA individu yang menderma darah di Unit Transfusi Darah HSNZ, Kuala Terengganu semalam.

ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Mohd. Muhamimin berkata, kebanyakannya penderma darah terdiri daripada golongan pelajar, kakitangan kerajaan dan swasta serta penderma darah tegar.

Dalam pada itu, beliau menggalakkan orang ramai mendaftar sebagai penderma darah di la-

man web regdonor.bbis.moh.gov.my bagi melancarkan lagi proses pendaftaran.

"Orang ramai juga boleh mendapatkan perkembangan terbaru berhubung kempen menderma darah di Terengganu menerusi laman Facebook Derma Darah Terengganu Kite," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Bekas pesakit Covid-19 berisiko besar dijangkiti berikutan tiada imuniti

Oleh NILAM NUR ATIKAH
 OSHMAN
 SHAH ALAM

Pakar kesihatan awam berpendapat rakyat Malaysia yang pernah dijangkiti Covid-19 berisiko mendapat jangkitan subvarian BF.7 kerana kemungkinan besar belum mempunyai imuniti.

Pensyarah Perubatan Kanan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Rosliza Abd Manaf berkata, ke-

berkesanan vaksin Covid-19 akan menurun selepas enam bulan seseorang itu menerima dos terakhir atau vaksinasi ke-3 (booster).

"Subvarian BF.7 adalah subvarian yang baru."

"Sebelum melanda China, ia telah mula menjangkiti manusia di Amerika Syarikat dan Eropah.

"Jadi, individu yang pernah kena sebelum ini masih berisiko mendapat jangkitan kerana berkemungkinan besar belum lagi mempunyai imuniti terhadap subvarian ini," kata beliau kepada *Sinar Harian*.

Varian Covid-19 terbaharu subvarian Omicron yang di-

Ancaman subvarian BF.7 kepada rakyat Malaysia



Rakyat Malaysia khasnya bekas pesakit Covid-19 berisiko dijangkiti subvarian BF.7. Gambar kecil: Dr Rosliza.

Keratan akhbar *Sinar Harian* pada Isnin.

Dua varian utama China sudah ada di Malaysia

SHAH ALAM - Dua varian Covid-19 utama yang menular di China iaitu varian BA.5.2 dan varian BF.7 di kesan telah berada di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat 31 Disember 2022, terdapat sebanyak 4,148 kes yang dijangkiti dengan BA.5.2 dan tiga kes yang dijangkiti dengan BF.7.

"Walau bagaimanapun, belum ada data mengaitkan peningkatan bilangan kes kemudaran atau kematian dengan varian BA.5.2 dan BF.1.

"Situasi ini akan disemak dari semasa ke semasa apabila terdapat sebarang perubahan ketara yang seterusnya memerlukan perubahan dalam strategi kesihatan awam.

"Perkara ini akan diumumkan dengan segera oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kepada semua negara anggota," katanya pada Isnin.

Dr Noor Hisham berkata, kedua-dua varian berkenaan merangkumi lebih 80 peratus daripada varian menular di China pada ketika ini.

"Kedua-dua varian ini tergolong se-



DR NOOR HISHAM

bagai sublineage Omicron BA.5 dan belum digolongkan sebagai Lineage Under Monitoring (LUM) WHO.

"Kedua-dua varian itu dipercayai boleh menyebabkan jangkitan semula atau mempunyai kadar jangkitan yang lebih tinggi dibandingkan oleh bilangan kes yang tinggi di China," ujarnya.

Dr Noor Hisham berkata, hasil surveyan genomik SARS-CoV-2 di Malaysia, sepanjang Disember lalu menunjukkan dominasi varian XBB merangkumi 55.4 peratus daripada bilangan sampel menjalani penjurukan genom.

"XBB masih varian utama yang menular dalam kalangan penduduk Malaysia sejak Oktober 2022. Kedua-dua varian itu sejenis varian Lineage Under Monitoring (LUM) WHO.

"Data daripada negara lain yang mengalami penularan XBB seperti Singapura dan India, menunjukkan peningkatan bilangan kes jangkitan semula terutama dalam kalangan penduduk dijangkiti semasa gelombang Delta atau VOC Omicron sekurang-kurangnya enam bulan lalu," ujar beliau.

Pakar yakin subvarian BF.7 tidak sebabkan penyakit teruk

SHAH ALAM - Subvarian Omicron, BF.7 yang memacu lonjakan jangkitan kes Covid-19 di China, tidak akan menyebabkan penyakit yang teruk di Malaysia.

Pakar Virologi Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Dr Yahya Mat Arif berkata, ia disebabkan tahap imuniti di negara ini adalah baik hasil liputan penerimaan vaksin dan dos penggalak dalam kalangan rakyat.

"Jangkitan mungkin akan berlaku tetapi insya-ALLAH penyakit itu tidak teruk, melainkan ada komplikasi lain.

"Perkara yang berlaku di China dan Malaysia sekarang ini berbeza. China sebelum ini (mengamalkan) polisi sifar Covid-19 yang menyebabkan tahap populasi imuniti itu rendah. Itu yang menyebabkan lonjakan.

"Tetapi di Malaysia, saya rasa kita punya tahap imuniti bagus," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Dr Yahya berkata, Malaysia tidak akan menghadapi masalah untuk berhadapan dengan BF.7 tetapi rakyat negara ini ma-

tidak disaring.

"Oleh itu, dari sudut kesihatan awam, saya amat menyarankan agar kemasukan pelawat atau sesiapa saja dari China agar disaring dengan ujian RTK, seperti Kanada dan India selain hanya (pelancang) yang negatif saja dibenarkan masuk," ujar beliau.



DR YAHYA

sih perlu waspada seperti mengelak pergi ke tempat sesak, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan.

Katanya, BF.7 tidak menyebabkan peningkatan kes kematian disebabkan Covid-19 di negara ini.

"Insy-ALLAH tidak akan berlaku (peringkatan) daripada segi jumlah kematian. Tetapi mungkin dari segi peningkatan jangkitan akan berlaku sekiranya kita tidak mengatasinya.

